

Lai Kwan (kanan)
bersama anak bongsunya Jun Yeng melihat kejayaan Jun Hoong melalui telefon bimbit ketika menerima pingat emas di Budapest, awal pagi semalam.



'Oh Tuhan, saya juara dunia!'

Jun Hoong lakukan kejutan raih emas acara 10m platform individu wanita

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bh.com.my

Kuala Lumpur

Cheong Jun Hoong menyifatkan kejayaannya memenangi pingat emas acara 10 meter platform individu wanita dalam Kejohanan Akuatik Dunia FINA di Budapest, Hungary awal pagi semalam seperti mimpi.

Menurut penerjun yang baru pulih daripada kecederaan belakang itu, dia memang berharap untuk memenangi pingat tetapi tidak menyangka dapat meraih emas dan menewaskan penerjun China.

"Oh Tuhan, saya kini juara dunia! Sudah tentu ia adalah mimpi jadi kenyataan."

"Ia adalah pingat emas pertama di kejohanan dunia negara bagi terjun, ia adalah tidak dijangka dan sukar dipercayai," kata penerjun berusia 27 tahun itu dalam laman web rasmi FINA.

Dominasi China

Jun Hoong yang sebelum ini memenangi gangsa dalam acara 10m platform seirama bergandingan dengan Pandelela Riong, mengumpul 397.50 mata bagi menempaskan juara dunia dari China, Si Yajie dengan

perbezaan 1.5 mata.

Rakan senegara Si Yajie yang juga pemenang emas Sukan Olimpik 2016 di Rio, Ren Qian pula menamatkan saingan di tempat ketiga selepas mengumpul 391.95 mata.

Untuk rekod, penerjun dari China sudah lama mendomini acara itu di Kejohanan Du-

nia dengan memenangi 22 pingat, melebihi 16 daripada negara lain.

"Saya hanya memberi fokus terhadap diri sendiri dan saya baru melihat papan mata hanya selepas terjunan terakhir Si Yajie, pada masa itu baru saya sedar kemenangan menjadi milik saya," kata Jun Hoong.

PM, TPM ucap tahniah

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak merakamkan ucapan syabas kepada penerjun elit kebangsaan, Cheong Jun Hoong yang melakar sejarah, menjadi atlet Malaysia pertama meraih pingat emas pada Kejohanan Akuatik Dunia 2017 di Budapest, Hungary semalam.

"Tahniah @cheongjunoong! Juara dunia pertama #Negaraku dalam acara Platform Terjun Wanita di #FINABudapest2017," kata Perdana Menteri menerusi laman Twitternya, semalam.

Penerjun berusia 27 tahun berasal dari Perak itu, yang juga gandingan Pandelela Riong meraih pingat perak pada Sukan Olimpik 2016 di Rio, mencatat 397.50 mata da-

lam acara 10m platform individu wanita.

Bekas juara dunia, Si Yajie dari China, memenangi perak dengan catatan 396.00 mata, manakala rakan sepasukannya, Ren Qian, yang meraih emas Sukan Olimpik 2016 di Rio, menamatkan saingan di tempat ketiga selepas mengumpul 391.95 mata.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan kemenangan Jun Hoong sebagai kebanggaan negara.

"Tahniah @cheongjunoong juara dunia acara 10m platform wanita. Sejarah tercipta dan menjadi kebanggaan negara. Terima kasih atlet negara," katanya dalam laman Twitter beliau.

BERNAMA

KEPUTUSAN 10M PLATFORM INDIVIDU WANITA

	Terjunan 1	Terjunan 2	Terjunan 3	Terjunan 4	Terjunan 5	Jumlah
Cheong Jun Hoong	75.0	78.3	81.6	82.6	80.0	397.5
Si Yajie	73.5	81.6	76.8	82.5	81.6	396.0
Ren Qian	78.0	91.2	64.35	81.6	76.8	391.95

GRAFIK BH